

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

No. 20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

Email : info@lpp.gov.my

E-mail Bahagian : lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL: 03-2610 9600

FAX: 03-2697 0872

BAHAGIAN PENYELIAAN & PENGUATKUASAAN

TEL: 03-2610 9600

FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :
Tarikh :

LPP(B) 5/4 (S2)
13 Februari 2018

Pengarah,
Lembaga Pertubuhan Peladang,
Negeri

Pengurus Besar,
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Pengurus Besar,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Pengurus Besar,
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Setiausaha Tetap,
Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak,
Merangkap Wakil Pendaftar,
Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak.

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 1 TAHUN 2018 – PEMAKAIAN RPG14, STANDARD LAPORAN JURUAUDIT KEPADA PERTUBUHAN PELADANG (PP)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Pekeliling Pendaftar Bil. 1 Tahun 2018 – Pemakaian RPG14, Standard Laporan Juruaudit Kepada Pertubuhan Peladang (PP) boleh capai dan dimuat turun melalui Laman Sesawang LPP di <http://www.lpp.gov.my/> atau <http://www.lpp.gov.my/category/view/51>

3. Sukacita dapat pihak Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan memanjangkan surat ini untuk diedarkan kepada semua PP di bawah penyeliaan Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

4. Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkenaannya, sukacita menghubungi Bahagian Penyeliaan Dan Penguatkuasaan, Ibu Pejabat LPP di talian 03-2610 9600.


2/...

13 LPP(B) 5/4 (S2)
hb Februari 2018

Sekian, terima kasih.

Tema Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2017
" OUR FOOD OUR FUTURE "

Saya yang menurut perintah,



(SALLEH BIN HJ. KABUL)

Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan,
b/p Pendaftar,
Pertubuhan Peladang.

s.k

Ketua Pengarah,
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan,
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Timbalan Ketua Pengarah Operasi,
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Pejabat Wakil Pendaftar,
Pertubuhan Peladang Sarawak,
d/a Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sarawak,
Tingkat 13, Menara Pelita,
Jalan Tun Abdul Rahman Yakub,
93050 Petra Jaya,
Kuching, Sarawak.

Pengarah, Bahagian

Urusetia Ketua Pengarah

Fail Timbul

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

No.20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

E-mail : info@lpp.gov.my

ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Email Bahagian : lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL : 03 - 2610 9600 FAX : 03 - 2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL : 03-2610 9600 FAX : 03-2697 0872

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :
Tarikh :

13 LPP (B) 5/4 (51)
Februari 2018

PEKELILING PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 1 TAHUN 2018

PEMAKAIAN RPG 14, STANDARD LAPORAN JURUAUDIT KEPADA PERTUBUHAN PELADANG

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pendaftar ini dikeluarkan untuk Pertubuhan Peladang dalam mengadaptasi Standard Laporan Juruaudit seperti mana Garis Panduan Dicapadangkan oleh Institut Akauntan Malaysia iaitu '*Recommended Practice Guideline (RPG 14)*' yang telah dikeluarkan pada Mac 2017.

2.0 PUNCA DAN HAD KUASA

2.1 Punca kuasa Pendaftar bagi melaksanakan Pekeliling ini ialah Seksyen 35(2)(p), Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109] seperti berikut :

"menetapkan sistem pengauditan dan pengakaunan sesuatu Pertubuhan Peladang dan penyiaran berkala suatu kunci kira-kira yang menunjukkan aset dan tanggungan aset dan tanggungan sesuatu Pertubuhan Peladang"

2.2 Pendaftar diperuntukkan kuasa di bawah Peraturan 85, Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 seperti berikut:

"Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu, mengeluarkan arahan-arahan dan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan ini"

2.3 Punca kuasa Peraturan 67(12), Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 seperti berikut:

"Pendaftar boleh dari semasa ke semasa menentukan maklumat yang hendak ditunjukkan dalam akaun-akaun mana-mana Pertubuhan Peladang itu."

3.0 DEFINISI

3.1. PP

Pertubuhan Peladang

3.2 MIA

Institut Akauntan Malaysia / Malaysian Institute of Accountants

3.3 MASB

Lembaga Standard Perakaunan Malaysia / Malaysian Accounting Standard Board

3.4 Laporan Juruaudit

Satu laporan mengenai pendapat ke atas sesuatu kedudukan kewangan yang dikeluarkan oleh Juruaudit sama ada Pendaftar atau firma swasta yang dilantik di bawah Seksyen 24, Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109].

3.5 PERS

Private Entity Reporting Standard. PERS adalah adaptasi Standard Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRA) untuk entiti bersaiz

kecil dan sederhana dikeluarkan oleh Lembaga Standard Perakaunan Antarabangsa (IASB) dan diterbitkan MASB pada tahun 1999.

3.6 MPERS

Malaysian Private Entity Reporting Standard. MPERS adalah adaptasi Standard Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRA) untuk entiti bersaiz kecil dan sederhana dikeluarkan Lembaga Standard Perakaunan Antarabangsa (IASB) pada 2009, dan diterbitkan MASB pada tahun 2014 untuk digunakan mulai tahun kewangan 2016.

3.7 RPG 14

Recommended Practice Guideline 14 yang diterbitkan oleh MIA pada Mac 2014 sebagai garis panduan kepada Juruaudit / Akauntan Bertauliah untuk mengeluarkan Laporan Juruaudit

3.8 By Laws

Kod Etika Profesional untuk Akauntan Bertauliah oleh Institut Akauntan Malaysia

3.9 IESBA Code

Kod Etika Profesional untuk Akauntan Bertauliah oleh Lembaga Standard Etika Antarabangsa

4.0 LATAR BELAKANG

4.1 Pada masa ini semua Laporan Juruaudit Pendaftar dan penyata kewangan yang dikeluarkan oleh Bahagian Audit Pertubuhan telah disediakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Pertubuhan Peladang 1973 dan Peraturan-peraturan di bawahnya, Manual

Perakaunan Pertubuhan Peladang 2006 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia bagi entiti persendirian untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pertubuhan dan prestasi kewangan serta aliran tunai untuk tahun setiap kewangan.

4.2 Di Malaysia, penetapan standard perakaunan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang ditubuhkan di bawah Akta Pelaporan Kewangan 1997. Dalam hal ini, MASB telah mengeluarkan dua bentuk piawaian perakaunan iaitu:-

(a) piawaian perakaunan bagi institusi yang perlu melaporkan kepada atau dikawal selia di bawah Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan syarikat yang tersenarai di Bursa Saham berserta dengan subsidiarinya, syarikat sekutunya dan syarikat usahasanya. Piawaian perakaunan ini dipanggil sebagai *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS); dan

(b) piawaian perakaunan yang dipanggil *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS) khusus bagi entiti persendirian. Maksud entiti ini yang ditakrif di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) ialah :-

- (i) entiti yang tidak perlu melapor kepada badan-badan seliaan seperti di para 6(a); dan
- (ii) entiti itu bukan subsidiari atau syarikat sekutu atau *jointly controlled* (syarikat usahasama) kepada entiti yang tertakluk di bawah seliaan badan-badan seperti di para 6(a).

- 4.3 Pada tahun 1999, MASB telah mengeluarkan piawaian perakaunan PERS untuk digunapakai. Memandangkan keperluan dan perkembangan pesat, terdapat panduan yang telah dikeluarkan oleh standard perakaunan antarabangsa, pada tahun 2014 MASB telah menerbitkan piawaian perakaunan baru iaitu MPERS sebagai rangka kerja pelaporan penyata kewangan bagi tahun 2016 dan tahun-tahun berikutnya.
- 4.4 Kesan daripada peralihan standard perakaunan yang diterbitkan oleh MASB dari PERS kepada MPERS ini, pada Mac 2017 Institut Akauntan Malaysia (MIA) telah mengeluarkan *Recommended Practice Guideline (RPG 14)* kepada semua Juruaudit/ Akauntan Bertauliah Malaysia sebagai garis panduan yang standard bagi mengeluarkan laporan juruaudit ke atas penyata kewangan.
- 4.5 Oleh yang demikian, Pendaftar berpandangan satu garis panduan, surat pekeliling atau notis berkaitan bentuk dan kandungan penyata kewangan, standard perakaunan dan tatacara perlu dikeluarkan dan dipatuhi oleh PP dalam menyedia dan membentangkan penyata kewangan. Garis panduan ini telah mengambilkira perkembangan piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB. Penyeragaman laporan akan memudahkan pengukuran prestasi PP secara khususnya atau gerakan PP secara amnya.

5.0 KANDUNGAN LAPORAN JURUAUDIT BARU

- 5.1 Terdapat beberapa tambahan kenyataan yang perlu dimasukkan di dalam setiap pelaporan juruaudit mengikut jenis-jenis laporan seperti berikut :

5.1.1 Laporan Juruaudit Tanpa Syarat - **Lampiran A**

Penyata Kewangan telah disediakan dan dipersembahkan mengikut piawaian yang diterima pakai, diamalkan secara konsisten, seragam serta pendedahan yang mencukupi tanpa ada sebarang Asas Pendapat Bersyarat.

5.1.2 Laporan Juruaudit Tanpa Syarat dengan Penekanan Kepada Perkara Penting - **Lampiran B**

Sekiranya seseorang juruaudit ingin menarik perhatian pengguna laporan kewangan ke atas sesuatu perkara, menurut pertimbangan juruaudit bahawa hal tersebut adalah fundamental bagi pemahaman pengguna laporan, maka juruaudit boleh menambah perenggan Penekanan Atas Perkara Penting dalam laporan Juruaudit.

5.1.3 Laporan Audit Bersyarat dengan Penekanan Kepada Perkara Penting - **Lampiran C**

Perkara material yang boleh menjelaskan kesaksamaan penyata kewangan dari aspek prinsip perakaunan yang digunakan, konsistensi atau had disebabkan kekangan skop pengauditan.

Juruaudit juga boleh mengeluarkan Laporan Audit Bertentangan di mana Penyata Kewangan tidak menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama atau tidak mematuhi prinsip perakaunan yang diterima umum. Kesan perbezaan pendapat adalah material dan menyeluruh terhadap Penyata Kewangan dan pendapat berteguran tidak memadai untuk mendedahkan kekeliruan atau Penyata Kewangan tidak sempurna.

Sekiranya terdapat kekangan skop pengauditan yang lebih material, juruaudit boleh mengeluarkan Laporan Audit Penafian di mana bukti tidak mencukupi secara menyeluruh untuk memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan.

5.2 Pelaporan Penyata Kewangan yang seragam dalam Laporan Kewangan Beraudit adalah seperti berikut dan terdapat pindaan terma-terma utama:

- 5.2.1 Penyata Kedudukan Kewangan (menggantikan Kunci kira-kira)
- 5.2.2 Penyata Pembahagian Keuntungan
- 5.2.3 Penyata Pendapatan Komprehensif (menggantikan Penyata Gerakan Perniagaan Tani)
- 5.2.4 Penyata Perubahan dalam Kumpulan Wang
- 5.2.5 Penyata Aliran Tunai ; dan
- 5.2.6 Nota Kepada Penyata Kewangan

5.3 Garis panduan yang dikeluarkan oleh MIA di dalam RPG 14, menyatakan dengan jelas perkara-perkara yang perlu digunapakai ke atas semua juruaudit untuk tujuan pelaporan. Di antara tambahan perenggan baru adalah :

- 5.3.1 Tanggungjawab Bebas dan Lain-lain Etika (menurut By Laws dan IESBA Code)
- 5.3.2 Maklumat Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya.

6.0 TEKS SAHIH

Teks Bahasa Kebangsaan itu adalah teks sahih, dan selepas itu, jika ada percanggahan atau perselisihan antara teks Bahasa Kebangsaan itu dan teks Bahasa Inggeris untuk Pekeliling Pendaftar ini, teks Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi teks Bahasa Kebangsaan itu.

7.0 KUATKUASA

Pekeliling Pendaftar ini berkuatkuasa ke atas Laporan Juruaudit dan Penyata Kewangan mulai tahun kewangan 2017.



(DATO' HAJI MOHD. SALIM BIN HAJI TAHA)
Pendaftar
Pertubuhan Peladang

**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX**
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Pendapat

Mengikut Seksyen 24, Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta109), kami telah mengaudit penyata kewangan **Pertubuhan Peladang Kawasan XXX**, yang merangkumi **Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 201x, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Pembahagian Keuntungan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai** serta satu ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan seperti yang dibentangkan pada muka surat xx hingga xx.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Pertubuhan telah memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan dan prestasi kewangan serta aliran tunai Pertubuhan pada 31hb. Disember 201x disediakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Pertubuhan Peladang 1973, Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 serta Manual Perakaunan Pertubuhan Peladang.

Asas Kepada Pendapat

Kami melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Standard Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pandangan bebas tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Tanggungjawab Bebas dan Lain-lain Etika

Kami adalah bebas daripada Pertubuhan menurut Etika Profesional (By Laws) oleh Institut Akauntan Malaysia ("By Laws) dan Lembaga Standard Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan dan Akauntan Bertauliah (International Ethics Standard Board for Accountants Code of Ethics for professional Accountants ("IESBA Code"), dan kami telah memenuhi tuntutan etika menurut Etika Profesional dan IESBA Code.

Maklumat Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenalinya

Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan adalah bertanggungjawab ke atas maklumat-maklumat lain. Maklumat-maklumat lain terdiri daripada Laporan Ahli Jemaah Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Pertubuhan tidak meliputi Laporan Ahli Jemaah Pengarah dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhaap penyata kewangan ini, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan sama ada lain-lain maklumat yang material tersebut adalah selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi daripada audit atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang dijalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salahnyataan yang ketara di dalam Laporan Ahli Jemaah Pengarah, kami perlu melaporkan fakta-fakta tersebut. Kami tidak ada apa-apa yang hendak dilaporkan dalam hal ini.

**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX**
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)

Tanggungjawab Ahli Jemaah Pengarah ke atas Penyata Kewangan

Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama mengikut Seksyen 24, Akta Pertubuhan Peladang 1973, dan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia, dan kawalan dalaman yang dipertentukan oleh ahli jemaah pengarah untuk menyediakan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Di dalam penyediaan penyata kewangan, ahli-ahli jemaah pengarah adalah bertanggungjawab untuk menilai kebolehupayaan Pertubuhan untuk kekal sebagai suatu usaha berterusan, dan menyatakan mana yang berkenaan, perkara-perkara berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan, kecuali sekiranya ahli jemaah pengarah berhasrat untuk membubarkan Pertubuhan atau memberhentikan operasinya, atau tiada pilihan yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapat keyakinan munasabah sama ada penyata kewangan Pertubuhan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyataan yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit termasuklah menyatakan pendapat kami. Keyakinan munasabah adalah suatu keyakinan tahap tinggi, tetapi ianya bukanlah suatu jaminan dimana suatu audit yang dijalankan menurut piawaian audit diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa akan sentiasa mengesan suatu salah nyataan yang material apabila ianya wujud. Salah nyataan boleh terbit daripada penipuan dan kesilapan dan dianggap material, jika, secara individu atau dalam agregat, ianya boleh dijangkakan secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada suatu audit menurut piawaian pengauditan diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan penghakiman profesional dan mengekalkan skeptisisme profesional sepanjang tempoh pengauditan. Kami juga:

- a) Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyataan yang material bagi penyata kewangan Pertubuhan, sama ada disebabkan oleh penipuan dan kesilapan, merangka dan melaksanakan tatacara-tatacara audit yang peka kepada risiko tersebut, dan mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan suatu asas untuk pendapat kami. Risiko untuk tidak dapat mengesan suatu salah nyataan yang material yang berasal daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding daripada suatu yang berasal daripada kesilapan, sebagaimana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah nyataan, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b) Mendapatkan suatu kefahaman bagi kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka tatacara-tatacara audit yang bersesuaian untuk tujuan tersebut, tetapi bukan untuk memberikan suatu pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Pertubuhan.

**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX**
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)

- c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh ahli jemaah pengarah.
- d) Membuat kesimpulan tentang kesesuaian penggunaan perakaunan berasaskan usaha berterusan oleh ahli jemaah pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samaada suatu ketidakpastian yang material telah wujud berkenaan keadaan dan peristiwa yang boleh menimbulkan keraguan berkenaan kebolehupayaan Pertubuhan untuk terus beroperasi secara usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan yang telah wujud ketidakpastian yang material, kami diperlukan untuk menarik perhatian di dalam laporan juruaudit yang merujuk kepada pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Pertubuhan atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahsuai laporan kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan atas bukti audit yang diperolehi sehingga ke tarikh laporan juruaudit. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan masa hadapan mungkin akan menyebabkan Pertubuhan berhenti sebagai suatu entiti usaha berterusan.
- e) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Pertubuhan, termasuklah pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urusan-ususiaga dan peristiwa-peristiwa asas dengan suatu cara yang boleh mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan ahli jemaah pengarah berkenaan, antara lainya, perancangan skop dan masa pengauditan dan penemuan-penemuan audit yang signifikan, termasuklah sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Pertubuhan Peladang 1973, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain, serta daftar yang perlu disimpan dibawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

Lain -lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Pertubuhan, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan Seksyen 24, Akta Pertubuhan Peladang 1973 dan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

(RAZANA BINTI HAJI GHAZALI)

Bahagian Audit Pertubuhan,
b.p: Pendaftar,
Pejabat Pendaftar Pertubuhan Peladang,
Kuala Lumpur.

Tarikh :



**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)**

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Pendapat

Mengikut Seksyen 24, Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109), kami telah mengaudit penyata kewangan Pertubuhan Peladang Kawasan XXX, yang merangkumi **Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 201X, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Pembahagian Keuntungan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai** serta satu ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan seperti yang dibentangkan pada muka surat xx hingga xx.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Pertubuhan telah memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan dan prestasi kewangan dan aliran tunai Pertubuhan pada 31hb. Disember 201x disediakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Pertubuhan Peladang 1973, Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 serta Manual Perakaunan Pertubuhan Peladang.

Asas Kepada Pendapat

Kami melaksanakan audit tersebut menurut piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Standard Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pandangan bebas tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Tanggungjawab Bebas dan Lain-lain Etika

Kami adalah bebas daripada Pertubuhan menurut Etika Profesional (By Laws) oleh Institut Akauntan Malaysia ("By Laws) dan Lembaga Standard Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan dan Akauntan Bertauliah (International Ethics Standard Board for Accountants Code of Ethics for professional Accountants ("IESBA Code"), dan kami telah memenuhi tuntutan etika menurut Etika Profesional dan IESBA Code.

Penekanan Kepada Perkara Penting

1. Pematuhan Ke Atas Akta Wang Tak Dituntut 1965

Semakan mendapati, terdapat sebahagian daripada akaun Pemiutang Perdagangan Bukan Ahli pada tarikh Kunci Kira-kira berjumlah RM 38,042 dan Pemiutang Pelbagai berjumlah RM 7,456 adalah amaun yang tidak bergerak semenjak tahun kewangan 2007 dan 2012. Semakan ke atas kepatuhan Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2002) perlu dibuat memandangkan jumlah tersebut telah berlarutan agak lama. Sebarang ketidakpatuhan, Pertubuhan boleh dikenakan denda dan denda tambahan selama kemungkinan tersebut telah berlarutan.

2. Kumpulan Wang Ahli Berbaki Defisit

Pertubuhan mengalami defisit Kumpulan Wang Ahli berjumlah RM2,947,210 dengan kerugian terkumpul berjumlah RM3,914,864 pada tarikh Kunci Kira-kira. Berdasarkan prinsip perakaunan perniagaan berterusan, Pertubuhan adalah bergantung kepada keupayaan memperoleh keuntungan daripada aktiviti perniagaan pada masa akan datang atau melalui sokongan kewangan yang berterusan dari pihak luar. Pihak audit juga berpandangan sebarang agihan keuntungan bersih semasa perlu ditangguhkan sehingga baki kerugian terkumpul telah diserap sepenuhnya dari keuntungan bersih akan datang.

**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX**
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)

Maklumat Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan adalah bertanggungjawab ke atas maklumat-maklumat lain. Maklumat-maklumat lain terdiri daripada Laporan Ahli Jemaah Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Pertubuhan tidak meliputi Laporan Ahli Jemaah Pengarah dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan ini, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan sama ada lain-lain maklumat yang material tersebut adalah selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi daripada audit atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang dijalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salahnyataan yang ketara di dalam Laporan Ahli Jemaah Pengarah, kami perlu melaporkan fakta-fakta tersebut. Kami tidak ada apa-apa yang hendak dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Ahli Jemaah Pengarah ke atas Penyata Kewangan

Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama mengikut Seksyen 24, Akta Pertubuhan Peladang 1973, dan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia, dan kawalan dalaman yang dipertentukan oleh ahli jemaah pengarah untuk menyediakan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Di dalam penyediaan penyata kewangan, ahli-ahli jemaah pengarah adalah bertanggungjawab untuk menilai kebolehpayaan Pertubuhan untuk kekal sebagai suatu usaha berterusan, dan menyatakan mana yang berkenaan, perkara-perkara berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan, kecuali sekiranya ahli jemaah pengarah berhasrat untuk membubarkan Pertubuhan atau memberhentikan operasinya, atau tiada pilihan yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapat keyakinan munasabah sama ada penyata kewangan Pertubuhan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyataan yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit termasuklah menyatakan pendapat kami. Keyakinan munasabah adalah suatu keyakinan tahap tinggi, tetapi ianya bukanlah suatu jaminan dimana suatu audit yang dijalankan menurut piawaian audit diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa akan sentiasa mengesan suatu salah nyataan yang material apabila ianya wujud. Salah nyataan boleh terbit daripada penipuan dan kesilapan dan dianggap material, jika, secara individu atau dalam agregat, ianya boleh dijangkakan secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomik yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada suatu audit menurut piawaian pengauditan diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan penghakiman profesional dan mengekalkan skeptisisme profesional sepanjang tempoh pengauditan. Kami juga:

**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)**

- a) Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyataan yang material bagi penyata kewangan Pertubuhan, sama ada disebabkan oleh penipuan dan kesilapan, merangka dan melaksanakan tatacara-tatacara audit yang peka kepada risiko tersebut, dan mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan suatu asas untuk pendapat kami. Risiko untuk tidak dapat mengesan suatu salah nyataan yang material yang berasal daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding daripada suatu yang berasal daripada kesilapan, sebagaimana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah nyataan, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b) Mendapatkan suatu kefahaman bagi kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka tatacara-tatacara audit yang bersesuaian untuk tujuan tersebut, tetapi bukan untuk memberikan suatu pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Pertubuhan.
- c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh ahli jemaah pengarah.
- d) Membuat kesimpulan tentang kesesuaian penggunaan perakaunan berasaskan usaha berterusan oleh ahli jemaah pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samaada suatu ketidakpastian yang material telah wujud berkenaan keadaan dan peristiwa yang boleh menimbulkan keraguan berkenaan kebolehpayaan Pertubuhan untuk terus beroperasi secara usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan yang telah wujud ketidakpastian yang material, kami diperlukan untuk menarik perhatian di dalam laporan juruaudit yang merujuk kepada pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Pertubuhan atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahsuai laporan kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan atas bukti audit yang diperolehi sehingga ke tarikh laporan juruaudit. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan masa hadapan mungkin akan menyebabkan Pertubuhan berhenti sebagai suatu entiti usaha berterusan.
- e) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Pertubuhan, termasuklah pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urusan-urusan dan peristiwa-peristiwa asas dengan suatu cara yang boleh mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan ahli jemaah pengarah berkenaan, antara lainya, perancangan skop dan masa pengauditan dan penemuan-penemuan audit yang signifikan, termasuklah sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Pertubuhan Peladang 1973, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain, serta daftar yang perlu disimpan dibawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX**
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)

Lain -lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Pertubuhan, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan Seksyen 24, Akta Pertubuhan Peladang 1973 dan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

(RAZANA BINTI HAJI GHAZALI)

Bahagian Audit Pertubuhan,
b.p: Pendaftar,
Pejabat Pendaftar Pertubuhan Peladang,
Kuala Lumpur.

Tarikh :

**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)**

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Pendapat Bersyarat

Mengikut Seksyen 24, Akta Pertubuhan Peladang 1973, kami telah mengaudit penyata kewangan Pertubuhan Peladang Kawasan XXX, yang merangkumi **Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 201X, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Pembahagian Keuntungan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai** serta satu ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan seperti yang dibentangkan pada muka surat xx hingga xx.

Pada pendapat kami, kecuali bagi kemungkinan kesan perkara yang dijelaskan dalam Asas- asas Pendapat Bersyarat di dalam laporan kami, penyata kewangan Pertubuhan telah memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan dan prestasi kewangan dan aliran tunai Pertubuhan pada 31hb. Disember 201x disediakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Pertubuhan Peladang 1973, Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983, Manual Perakaunan Pertubuhan Peladang dan Piawaian Perakaunan diluluskan di Malaysia.

Asas-asas Pendapat Bersyarat

1. Perbezaan Wang Tunai Ditangan

Semakan audit mendapati terdapat perbezaan sebanyak RM30,372 di antara perkiraan fizikal Wang Tunai Di Tangan berjumlah RM1,315 dengan baki akaun kawalan berjumlah RM32,047. Perkara ini juga telah dibangkitkan di dalam Laporan Penemuan Audit Interim yang telah dikeluarkan pada 28 Disember 2016. Sehingga kini, Pertubuhan masih belum mengenalpasti punca berlakunya perbezaan tersebut dan kepada siapa ianya dipertanggungjawabkan. Pihak audit berpendapat, Pertubuhan hendaklah memastikan kawalan dalaman prosedur pengurusan tunai dipertingkatkan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang pada masa akan hadapan. Sebarang kecuaiian yang berlaku boleh menyebabkan kakitangan pengurusan dikenakan surcaj sepertimana kehendak Seksyen 31, Akta Pertubuhan Peladang 1973.

2. Kekurangan Peruntukan Hutang Sangsi Atas Penghutang Perdagangan

Semakan audit mendapati baki Penghutang Pelbagai pada tarikh Kunci kira-kira adalah berjumlah RM1,932,155. Daripada jumlah tersebut Penghutang yang merupakan tuntutan komisen kepada sebuah agensi bagi tahun 2014 dan 2015 yang masih belum dikutip. Tiada sebarang surat pengesahan ke atas baki tersebut diperlihatkan. Pihak audit berpandangan berasaskan Prinsip Konservatisme jumlah belanja hutang sangsi yang terkurang diperuntukkan adalah sebanyak RM241,638. Sekiranya kekurangan tersebut diakaunkan, maka keuntungan bersih Pertubuhan sebenarnya telah terlebih nyata sebanyak jumlah tersebut. Pihak audit mendapati Pertubuhan tidak mengambil kira pengiraan peruntukan hutang sangsi yang mencukupi seperti mana kehendak Arahan Pendaftar (Akaun/Audit) Bilangan 1 Tahun 1988.

**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)**

Kami melaksanakan audit tersebut menurut piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Standard Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pandangan bebas tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Tanggungjawab Bebas dan Lain-lain Etika

Kami adalah bebas daripada Pertubuhan menurut Etika Profesional (By Laws) oleh Institut Akauntan Malaysia ("By Laws) dan Lembaga Standard Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan dan Akauntan Bertauliah (International Ethics Standard Board for Accountants Code of Ethics for professional Accountants ("IESBA Code"), dan kami telah memenuhi tuntutan etika menurut Etika Profesional dan IESBA Code.

Penekanan Kepada Perkara Penting

1. Pematuhan Ke Atas Akta Wang Tak Dituntut 1965

Semakan mendapati, terdapat sebahagian daripada akaun Pemiutang Perdagangan Bukan Ahli pada tarikh Kunci Kira-kira berjumlah RM 38,042 dan Pemiutang Pelbagai berjumlah RM 7,456 adalah amaun yang tidak bergerak semenjak tahun kewangan 2007 dan 2012. Semakan ke atas kepatuhan Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2002) perlu dibuat memandangkan jumlah tersebut telah berlarutan agak lama. Sebarang ketidakpatuhan, Pertubuhan boleh dikenakan denda dan denda tambahan selama kemungkinan tersebut telah berlarutan.

2. Kumpulan Wang Ahli Berbaki Defisit

Pertubuhan mengalami defisit Kumpulan Wang Ahli berjumlah RM2,947,210 dengan kerugian terkumpul berjumlah RM3,914,864 pada tarikh Kunci Kira-kira. Berdasarkan prinsip perakaunan perniagaan berterusan, Pertubuhan adalah bergantung kepada keupayaan memperoleh keuntungan daripada aktiviti perniagaan pada masa akan datang atau melalui sokongan kewangan yang berterusan dari pihak luar. Pihak audit juga berpandangan sebarang agihan keuntungan bersih semasa perlu ditangguhkan sehingga baki kerugian terkumpul telah diserap sepenuhnya dari keuntungan bersih akan datang.

Maklumat Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan adalah bertanggungjawab ke atas maklumat-maklumat lain. Maklumat-maklumat lain terdiri daripada Laporan Ahli Jemaah Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Pertubuhan tidak meliputi Laporan Ahli Jemaah Pengarah dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan ini, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan sama ada lain-lain maklumat yang material tersebut adalah selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi daripada audit atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara.

**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)**

Sekiranya, berdasarkan kerja yang dijalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salahnyataan yang ketara di dalam Laporan Ahli Jemaah Pengarah, kami perlu melaporkan fakta-fakta tersebut. Kami tidak ada apa-apa yang hendak dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Ahli Jemaah Pengarah ke atas Penyata Kewangan

Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama mengikut Seksyen 24, Akta Pertubuhan Peladang 1973, dan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia, dan kawalan dalaman yang dipertentukan oleh ahli jemaah pengarah untuk menyediakan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Di dalam penyediaan penyata kewangan, ahli-ahli jemaah pengarah adalah bertanggungjawab untuk menilai kebolehupayaan Pertubuhan untuk kekal sebagai suatu usaha berterusan, dan menyatakan mana yang berkenaan, perkara-perkara berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan, kecuali sekiranya ahli jemaah pengarah berhasrat untuk membubarkan Pertubuhan atau memberhentikan operasinya, atau tiada pilihan yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapat keyakinan munasabah sama ada penyata kewangan Pertubuhan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyataan yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit termasuklah menyatakan pendapat kami. Keyakinan munasabah adalah suatu keyakinan tahap tinggi, tetapi ianya bukanlah suatu jaminan dimana suatu audit yang dijalankan menurut piawaian audit diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa akan sentiasa mengesan suatu salah nyataan yang material apabila ianya wujud. Salah nyataan boleh terbit daripada penipuan dan kesilapan dan dianggap material, jika, secara individu atau dalam agregat, ianya boleh dijangkakan secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomik yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada suatu audit menurut piawaian pengauditan diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan penghakiman profesional dan mengekalkan skeptisisme profesional sepanjang tempoh pengauditan. Kami juga:

- a) Menenalpasti dan menilai risiko salah nyataan yang material bagi penyata kewangan Pertubuhan, sama ada disebabkan oleh penipuan dan kesilapan, merangka dan melaksanakan tatacara-tatacara audit yang peka kepada risiko tersebut, dan mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan suatu asas untuk pendapat kami. Risiko untuk tidak dapat mengesan suatu salah nyataan yang material yang berasal daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding daripada suatu yang berasal daripada kesilapan, sebagaimana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah nyataan, atau mengatasi kawalan dalaman.

**LAPORAN JURUAUDIT PENDAFTAR KEPADA AHLI-AHLI
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XXX, NEGERI XXX
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)**

- b) Mendapatkan suatu kefahaman bagi kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka tatacara-tatacara audit yang bersesuaian untuk tujuan tersebut, tetapi bukan untuk memberikan suatu pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Pertubuhan.
- c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh ahli jemaah pengarah.
- d) Membuat kesimpulan tentang kesesuaian penggunaan perakaunan berasaskan usaha berterusan oleh ahli jemaah pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samaada suatu ketidakpastian yang material telah wujud berkenaan keadaan dan peristiwa yang boleh menimbulkan keraguan berkenaan kebolehupayaan Pertubuhan untuk terus beroperasi secara usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan yang telah wujud ketidakpastian yang material, kami diperlukan untuk menarik perhatian di dalam laporan juruaudit yang merujuk kepada pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Pertubuhan atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahsuai laporan kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan atas bukti audit yang diperolehi sehingga ke tarikh laporan juruaudit. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan masa hadapan mungkin akan menyebabkan Pertubuhan berhenti sebagai suatu entiti usaha berterusan.
- e) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Pertubuhan, termasuklah pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urusanniaga-urusanniaga dan peristiwa-peristiwa asas dengan suatu cara yang boleh mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan ahli jemaah pengarah berkenaan, antara lainya, perancangan skop dan masa pengauditan dan penemuan-penemuan audit yang signifikan, termasuklah sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Pertubuhan Peladang 1973, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain, serta daftar yang perlu disimpan dibawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

Lain -lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Pertubuhan, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan Seksyen 24, Akta Pertubuhan Peladang 1973 dan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

(RAZANA BINTI HAJI GHAZALI)

Bahagian Audit Pertubuhan,
b.p: Pendaftar,
Pejabat Pendaftar Pertubuhan Peladang,
Kuala Lumpur.

Tarikh :

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XX, NEGERI XX
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

| | Nota | 2016 RM | 2015 RM |
|---|------|------------------|------------------|
| HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN | 4 | 304,070 | 345,777 |
| PELABURAN | 5 | 1,299,997 | 1,267,645 |
| PELABURAN DALAM USAHA SAMA | 6 | 54,314 | 54,314 |
| ASET SEMASA | | | |
| Inventori Barang Bekalan Ladang | 7 | 47,122 | 54,742 |
| Penghutang Perdagangan | 8 | 408,304 | 505,229 |
| Penghutang Pelbagai | 9 | 36,522 | 20,156 |
| Pinjaman Tanpa Cagaran | 10 | 155,400 | 157,152 |
| Akaun Semasa- Usaha Sama | 11 | 308,186 | 27,717 |
| Simpanan Tetap | 12 | 643,769 | 638,857 |
| Simpanan Biasa Di PPNJ | 13 | 147,736 | 238,430 |
| Tunai Di Bank dan Di Tangan | 14 | 6,181,347 | 3,527,980 |
| | | 7,928,386 | 5,170,263 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pemiutang Perdagangan Bukan Ahli | | 33,344 | 29,515 |
| Pemiutang Pelbagai | 15 | 5,481,786 | 3,078,337 |
| Pinjaman Jangka Panjang - Bahagian Semasa | | - | 17,420 |
| Deposit Simpanan Ahli | 16 | 246,925 | 172,965 |
| Tabung-Tabung | 17 | 29,326 | 26,426 |
| Peruntukan Hadiah Langganan | | 349 | - |
| Yayasan Pelajaran Peladang | | 4,000 | 8,000 |
| Peruntukan Zakat | | - | 1,933 |
| Peruntukan Cukai Pendapatan | 18 | 42,743 | 57,661 |
| | | 5,838,473 | 3,392,257 |
| ASET SEMASA BERSIH | | 2,089,913 | 1,778,006 |
| | | 3,748,294 | 3,445,742 |

Kunci Kira-kira tersebut di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan.

(sambungan)

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XX, NEGERI XX
(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

| | Nota | 2016 RM | 2015 RM |
|--|------|------------------|------------------|
| DIBIYAI OLEH: | | | |
| KUMPULAN WANG AHLI | | | |
| Modal Saham | 19 | 819,961 | 768,855 |
| Kumpulan Wang Menebus Saham | 20 | 47,778 | 44,124 |
| Modal Saham Ditebus | 21 | 18,883 | 18,883 |
| Rizab Modal | | 6,101 | 6,101 |
| Rizab Aset Tetap Pemajuan | | 2 | 2 |
| Kumpulan Wang Kebajikan Ahli | 22 | 7,158 | 26,479 |
| Kumpulan Wang Kebajikan Am | 23 | 17,433 | 44,207 |
| Kumpulan Wang Pemajuan | 24 | 20,265 | 5,798 |
| Kumpulan Wang Pendidikan | 25 | 13,135 | 16,542 |
| Keuntungan Terkumpul | | 873,589 | 691,995 |
| | | <u>1,824,305</u> | <u>1,622,986</u> |
| KUMPULAN WANG RIZAB KHAS | | | |
| Rizab Berkanun | | 1,008,696 | 887,199 |
| Rizab Bantuan Kerajaan | 26 | 346,551 | 368,083 |
| Rizab Bantuan Luar | | 1 | - |
| | | <u>1,355,248</u> | <u>1,255,282</u> |
| KUMPULAN WANG TERTENTU | | | |
| Tabung Persaraan dan Ganjaran Perkhidmatan Anggota | 27 | 45,391 | 39,910 |
| LIABILITI JANGKA PANJANG | | | |
| Pinjaman Jangka Panjang | | - | 4,214 |
| Skim Pelaburan Khas Peladang | 28 | 523,350 | 523,350 |
| | | <u>523,350</u> | <u>527,564</u> |
| | | <u>3,748,294</u> | <u>3,445,742</u> |

Kunci Kira-kira tersebut di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan.